

# PM: Undang-undang awasi aktiviti sekolah pondok digubal

UM - 2 FEB 2002

Oleh YUSRI SAHAT dan HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 1 Feb. — Kerajaan sedang menggubal undang-undang bagi membolehkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengawasi kurikulum dan aktiviti pembelajaran di madrasah dan sekolah pondok, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan juga sedang merangka satu sistem pendidikan bersepadu bertujuan menvekat unsur-

unsur politik daripada dibawa masuk ke sekolah.

Beliau menjelaskan, langkah-langkah itu perlu diambil memandangkan terdapat guru agama yang membawa elemen politik dalam pengajarannya di kelas.

## ● Penutupan Luqmanul Hakiem tiada kaitan KMM — Muka 10

"Kita sedang merancang untuk mengadakan satu sistem kurikulum bersepadu. Kita sedang gubal undang-undang.

"Kita perlu menyelidik sama

ada madrasah dan pondok ini mengajar agama atau tidak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Wilayah di Dataran Perdana di sini hari ini.

Beliau mengulas penahanan 12 tenaga pengajar termasuk mudir (pengetua) Sekolah Tarbiyah Islamiyah Luqmanul Hakiem di Sungai Tiram dekat Johor Bahru kerana disyaki terlibat dalam kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Mereka ditahan beberapa hari lalu ekoran laporan yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Johor mengenai kegiatan mencurigakan di sekolah agama tersebut.

Sebelum itu, Jabatan Pendidikan berkenaan menerima laporan daripada Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) berhubung fahaman Wahabiah yang diajar serta diamalkan oleh kakitangan dan pelajar sekolah itu.

Berikutan penahanan tersebut, pihak berkuasa menutup operasi sekolah berkenaan.

■ Lihat muka 4

# PM: Undang-undang awasi aktiviti sekolah pondok digubal

UM - 2 FEB 2002

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan menghadapi masalah untuk menggubal akta pendidikan berkaitan sekolah agama kerana sebahagian daripada pendidikan itu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Ada kerajaan negeri yang mungkin mempertahankan kerana menganggap ia sebagai ajaran Islam tetapi sebenarnya mempertahankan latihan kader-kader mereka untuk masa depan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan selama ini sedar wujudnya kegiatan bercorak militan di sekolah-sekolah agama terutama di madrasah dan pondok.

"Kita sedih sebab mereka sanggup buat perkara bertentangan dengan agama Islam kerana di sekolah-sekolah ini bukan agama yang mereka belajar.

"Mereka belajar politik untuk menjatuhkan kerajaan. Kerap kali ajarannya dibuat secara ganas," katanya.

Malangnya, kata beliau, kerajaan akan dipersalahkan apabila cuba mengambil tindakan terhadap sekolah-sekolah terbabit.

"Kalau kita ambil tindakan, orang ini akan kata kita menghalang pelajaran agama tetapi sebenarnya bukan agama yang diajar," tegasnya.

Dr. Mahathir turut mendedahkan mengenai sebuah sekolah pondok yang mengajar usuluddin selama 14 tahun kepada pelajarnya.

Sekolah tersebut, jelas beliau, sebenarnya tidak mengajar pelajaran itu sebaliknya mengajar perkara tidak sepatutnya kepada pelajarnya dan pihak sekolah sebenarnya mempunyai niat lain.

Beliau percaya faktor usia dan mudah dipengaruhi dengan unsur-unsur keganasan di kalangan pelajar dipergunakan guru-guru agama tidak bertanggungjawab untuk menanam ideologi mereka.

"Mereka ini begitu muda, tak sabar sebab itu mereka sanggup belajar untuk menggunakan cara ganas untuk menjatuhkan kerajaan," tegas Perdana Menteri lagi.

Mengenai penahanan 12 tenaga pengajar dan seorang pengetua di Sekolah Tarbiyah Islamiyah Luqmanul Hakiem, Sungai Tiram, Perdana Menteri memberitahu, beliau belum menerima laporan berhubung penahanan itu.